

Markah penuh : 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

- (i) Panduan mengira perkataan:
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda / berulang
 - penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
Jumlah markah											20

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan****Markah**

Petikan ini membincangkan manfaat/kebaikan/faedah pelaburan kepada masyarakat di negara kita/ di Malaysia. 2

Rumusan ini membincangkan manfaat/kebaikan/faedah pelaburan kepada masyarakat serta usaha-usaha menggalakkan masyarakat membuat pelaburan. 2

Petikan/Rumusan ini membincangkan manfaat/kebaikan/faedah pelaburan kepada masyarakat. 1

Petikan ini membincangkan kepentingan pelaburan kepada masyarakat. 0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**Kepentingan pelaburan kepada masyarakat:**

1. Rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan atau infrastruktur yang selesa yang telah disediakan. 2
2. Menyediakan simpanan untuk masa depan atau pada usia tua bagi masyarakat hari ini. 2
3. Mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu. 2
4. Dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat. 2
5. Mampu mengurangkan bebanan kewangan dalam menampung kos perbelanjaan pendidikan anak-anak. 2
6. Dapat mengatasi kenaikan harga barang. 2
7. Dapat mengurangkan bebanan kewangan rakyat. 2
8. Dapat memberikan pendedahan teknologi maklumat komunikasi terkini kepada masyarakat. 2
9. Mengatasi kemelesetan ekonomi serta dapat meningkatkan taraf hidup rakyat memberikan pendedahan teknologi maklumat komunikasi terkini kepada masyarakat. 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**Usaha-usaha menggalakkan masyarakat membuat pelaburan:****Markah**

1. Ibu bapa memberi pendedahan awal tentang faedah melabur kepada anak-anak. 2
 2. Pihak kerajaan mengadakan pelbagai pameran/kempen tentang aktiviti pelaburan. 2
 3. Pihak sekolah menganjurkan pelbagai program/aktiviti berkaitan faedah pelaburan. 2
 4. Pertubuhan-pertubuhan tertentu(Permodalan nasional berhad/ bank negara) bekerjasama dengan pihak sekolah mengadakan siri jelajah menerangkan faedah pelaburan kepada para pelajar. 2
- (Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Penutup

1. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama dalam menggalakkan masyarakat melakukan pelaburan agar/supaya ekonomi negara akan terus berkembang. 2
2. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama dalam menggalakkan masyarakat melakukan pelaburan agar/supaya dapat membentuk masyarakat yang berjimat cermat. 2
3. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama dalam menggalakkan masyarakat melakukan pelaburan. 1

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik. • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. • Kosa kata masih memuaskan • Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat**, perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walau pun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : **9** markah
- Soalan 2 (b) : **9** markah
- Soalan 2 (c) : **8** markah
- Soalan 2 (d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat Gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup - Isi cukup tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat Gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas.ayat gramatis	0

Soalan 2 (a)– Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *menimbulkan keresahan*
- Mendatangkan/membangkitkan kegusaran/kebimbangan 2
 - Menimbulkan kegusaran/keresahan 1
 - Mendatangkan/membangkitkan keresahan 0

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Kesan negatif : (isi cukup – 2)
- Dapat mencetuskan pelbagai gejala sosial
 - Peningkatan kadar jenayah
 - Menjejaskan imej negara di mata dunia

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Peranan pihak kerajaan : (isi cukup – 3)
- Pihak kerajaan mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah.
 - Pihak kerajaan mengadakan kempen/ceramah di institusi pengajian tinggi.
 - Pihak kerajaan bekerjasama dengan pihak yang bertanggungjawab mengadakan siri jelajah terutama di kawasan luar bandar.
 - Memudahkan syarat kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan.
 - Pihak kerajaan bersama-sama dengan pihak bank menyediakan kemudahan pinjaman kepada generasi muda untuk melabur.

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

- (i)
- menganggap program PLKN hanyalah membuang masa dan tenaga
 - tidak mahu bersusah payah.
 - beranggapan Program PLKN tidak mendatangkan faedah.
 - pada pendapatnya, program ini hanyalah sesuai untuk golongan miskin sahaja, sedangkan bapanya seorang yang kaya.

[maksimum: 2 markah]

- (ii)
- menyertai setiap program yang dianjurkan oleh kerajaan.
 - berusaha untuk meningkatkan ketrampilan diri dan membina disiplin diri.
 - mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif yang akhirnya akan menjadi beban kepada negara.
 - mengelakkan persengketaan
 - memupuk perpaduan antara kaum
 - tidak terlibat dengan gejala negatif yang boleh menjatuhkan imej negara.

[maksimum: 3 markah]

(iii) Perwatakan yang terdapat dalam **petikan** ialah :

- Seorang yang sombong; Aiman datang daripada keluarga yang berada dan mengatakan bahawa PLKN hanya untuk golongan miskin sahaja, sedangkan bapanya adalah orang kaya.

Perwatakan dalam **keseluruhan drama** ialah :

- Seorang yang agresif; Aiman menentang keras dan tidak berpuas hati atas pemilihan namanya sebagai pelatih baharu PLKN. Berharap ayahnya dapat membantunya untuk pengecualian menjadi peserta PLKN.
- seorang yang tidak hormat akan orang tua; Contohnya dia menggunakan kata-kata yang kurang sopan sewaktu bercakap dengan Nek Sinah, pembantu rumahnya.
- Seorang yang sedar akan kesilapan dan inginkan perubahan; Contohnya; Aiman sedar akan kesilapannya tentang PLKN dan berazam untuk menyertai PLKN bagi memupuk sikap berdikari.

[maksimum: 4 markah]

SOALAN 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata '*jangan kemakanan matanya*'

- supaya tidak tumpul

[maksimum: 2 markah]

(ii) Tun Perak memberikan beberapa peringatan kepada Seri Amerta iaitu :

- Menjaga pedang sebilah itu baik-baik
- Pedang itu jangan diberi berkarat
- Pedang itu jangan tumpul matanya

[maksimum: 3 markah]

(iii) Pada pendapat saya, Tun Perak wajar menyuruh orang Kelang datang ke Melaka untuk berperang dengan membawa anak dan isteri mereka kerana

- Mereka akan melawan musuh dengan sepenuh hati/ bersungguh-sungguh
- Mereka akan berasa senang hati apabila anak dan isteri berada dekat dengan mereka
- Mereka dapat menjaga keselamatan anak dan isteri mereka di samping berkhidmat untuk Negara

ATAU

Pada pendapat saya, Tun Perak tidak wajar menyuruh orang Kelang datang ke Melaka untuk berperang dengan membawa anak dan isteri mereka kerana

- Mereka tidak dapat fokus terhadap peperangan yang berlangsung
- Anak dan isteri mereka berhadapan dengan risiko kecederaan/ kematian
- Keselamatan anak dan isteri mereka akan terancam apabila diketahui oleh musuh

[maksimum: 3 markah]

Soalan 2 (d) - Puisi

- (i) - kesetiaannya terhadap sultan masih diragukan.
 - banyak pembohongan yang berlaku pada waktu itu menyebabkan masyarakat tidak pasti sama ada Tuah benar-benar memiliki ciri-ciri kepahlawanan
 [Maksimum : 2 Markah]

- (ii) - bijaksana dalam mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah
 - Memiliki prinsip hidup yang tinggi
 - Tetap pendirian dan tidak mudah terpengaruh
 [Maksimum : 3 Markah]

- (iii) Nilai-nilai murni dalam sajak
- Rasional - Pemimpin yang berwibawa dan bijak dapat menguruskan sebuah negara atau organisasi dengan baik. [1+1]
 - Kasih sayang – Rakyat yang cinta akan keamanan dan keharmonian akan berbaik-baik bagi memastikan kehidupan mereka makmur dan bahagia. [1+1]
 - Keadilan- Prinsip keadilan perlu ditegakkan bagi mengelakkan berlakunya kezaliman. [1+1]
 - Bekerjasama- Perpaduan harus diusahakan bersama-sama agar rakyat di dalam sesebuah negara dapat hidup dengan aman damai dan sejahtera. [1+1]

[Maksimum : 4 Markah]

Peraturan Pemarkahan Bahagian Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	: 6 markah
Soalan 3(b)	: 6 markah
Soalan 3(c)	: 6 markah
Soalan 3(d)	: 6 markah
Soalan 3(e)	: 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetap sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat , berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacaan.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a) – Bina ayat

- (i) corat-coret - garis-garis yang tidak menentu/gambar yang berupa garis-garis atau coret saja/tulisan atau karangan yang dibuat dengan serba ringkas
- (ii) kusut-masai - sangat kusut
- (iii) remeh-temeh - (hal-hal yang) remeh, menjadikan remeh-temeh.
- (iv) remuk-redam - hancur menjadi kecil-kecil/ hancur berkecai.
- (v) mundar-mandir - berulang alik/berjalan pergi balik
- (vi) lentang-lentung - bunyi kuat seperti bunyi tin dipukul berulang-ulang/bunyi berdentang-dentang.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (b) Menukar Ayat – Ayat Aktif kepada Ayat Pasif

- (i) Pengedar dadah itu telah berjaya diberkas oleh polis dengan bantuan orang ramai.
- (ii) - Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak untuk membanteras penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak telah dilancarkan oleh kerajaan
- Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak telah dilancarkan oleh kerajaan untuk membanteras penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak
- (iii) - Ujian untuk memasuki kelas memandu motosikal itu telah saya duduki pada awal bulan lalu.
- Ujian untuk memasuki kelas memandu motosikal itu pada awal bulan lalu telah saya duduki.

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (c) Kesalahan Ejaan dan Imbuhan**

- | | | |
|-------|----------------|-------------------|
| (i) | Ejaan: tradisi | Imbuhan: keunikan |
| (ii) | Ejaan: himpit | Imbuhan: menjadi |
| (iii) | Ejaan: tose | Imbuhan: merasai |

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (d) Kesalahan Kata atau Istilah dan Tatabahasa**

- | | | |
|-------|----------------------------|-----------------------------|
| (i) | Tatabahasa: dalam kalangan | Istilah/kata: membimbangkan |
| (ii) | Tatabahasa: saya lakukan | istilah/kata: tetapi |
| (iii) | Tatabahasa: lintang-pukang | Istilah/kata: disergah |

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (e) Peribahasa**

- (i) - berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (ii) ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya
- (iii) seperti kacang melupakan kulitnya

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan Pemarkahan bagi Soalan 4

Soalan 4(a)

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri satu markah untuk satu isi yang kurang jelas/lengkap
- v. Markah isi maksimum 4 markah
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah
- vii. Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Jika calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

Soalan 4(b)

- i. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii. Beri 1 markah untuk setiap pernyataan yang lengkap.
- iv. Beri 2 markah untuk setiap huraian/ccontoh yang lengkap/jelas.
- v. Beri 1 markah untuk huraian/ccontoh yang kurang lengkap.
- vi. Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel).
- vii. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- viii. Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Sederhana : 1 markah
- ix. Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri 1 markah untuk bahasa
- x. Jika calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 4(a) – Pengajaran**Novel Jendela Menghadap Jalan**

1. Kita hendaklah prihatin terhadap masalah yang berlaku di sekeliling kita supaya masalah tersebut diatasi dan keadaan menjadi seperti sediakala.
2. Kita hendaklah menghargai sumber alam supaya kegunaan herba dapat memanfaatkan manusia sejagat.
3. Kita hendaklah hidup dalam harmoni supaya semua kaum dapat menikmati hidup yang aman.
4. Kita hendaklah menyelesaikan masalah secara bermusyawarah supaya segala masalah dapat diatasi tanpa menjejaskan hubungan akrab yang telah terbina selama ini.
5. Kita hendaklah sayang akan ahli keluarga supaya melahirkan keluarga yang bahagia dan harmoni serta membesar dengan penuh kasih sayang.

(Pengajaran dan contoh lain yang sesuai diterima)**Novel Songket Berbenang Emas**

1. Kita hendaklah membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.
2. Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan sebarang tugas.
3. Kita janganlah berprasangka buruk terhadap orang lain.
4. Kita mestilah insaf setelah melakukan kesalahan.
5. Kita mestilah nasihat-menasihati antara satu sama lain.

(Pengajaran dan contoh lain yang sesuai diterima)**Soalan 4(b) – Cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapi****Novel Jendela Menghadap Jalan**

- Watak utama dalam novel ini ialah Lili.
- Konflik dalaman yang dialami oleh Lili yang diminta oleh ibunya supaya menghabiskan cuti persekolahannya di kampung. Cara penyelesaian konflik tersebut ialah Lili menurut sahaja cadangan ibunya supaya bercuti di kampung dan berpura-pura gembira walaupun hatinya berat untuk ke sana kerana dia bercadang menghabiskan cuti persekolahan bersama-sama rakannya di Kuala Lumpur.
- Konflik kepincangan rumahtangga Che Jah disebabkan sikap panas baran suaminya. Cara penyelesaian konflik tersebut ialah Lili mendapatkan bantuan Kak Mimah

menasihati Che Jah agar melaporkan kes keganasan rumah tangganya kepada pihak polis supaya suaminya Seman dapat diheret ke muka pengadilan.

- Konflik antara penduduk kampung tentang pemasangan kubah. Cara penyelesaian konflik tersebut ialah Lili dan Danel berusaha memberi pelbagai cadangan kepada penduduk kampung untuk berbincang dan bermesyuarat tentang masalah yang dihadapi itu kemudian membuat keputusan agar kubah tersebut dipasang pada bumbung masjid baharu yang bakal dibina di kampung itu.

Novel Songket Berbenang Emas

- Watak utama dalam novel ini ialah Dahlia
- Konflik antara Nek Kiah dengan Dahlia apabila Nek kiah berprasangka buruk terhadap Dahlia apabila melihat Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumah. Cara penyelesaiannya Dahlia hanya mendiamkan diri sahaja semasa ditegur oleh Nek Kiah
- Konflik antara Dahlia dengan Cikgu Salwani yang tidak membenarkan Dahlia keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya setelah ibunya dimasukkan ke hospital. Cara penyelesaiannya Dahlia bertekad keluar dari asrama dan berulang-alik dari rumah ke sekolah.
- Konflik antara Dahlia dan Aton. Dahlia sentiasa dicemuh oleh Aton dan dipanggil perempuan murahan kerana ada beberapa orang lelaki yang melawat rumahnya. Aton juga sentiasa menyalahkan Dahlia atas kematian anaknya . Cara penyelesaiannya, Dahlia dinasihati oleh ayahnya supaya sentiasa bersabar dan tabah menghadapi dugaan Tuhan.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT